



SIARAN MEDIA

LAWATAN RASMI YB MENTERI KPKT KE SINGAPURA TINGKAT KERJASAMA DUA HALA MALAYSIA DAN SINGAPURA

PUTRAJAYA, 31 Ogos 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan rasmi ke Singapura selama tiga hari dengan matlamat untuk meningkatkan kerjasama dua hala bagi Malaysia dan Singapura.

Dalam sesi lawatan tersebut, YB KM telah melawat pelbagai projek berlandaskan strategi utama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) termasuk flat Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), projek pembangunan semula bandar, fasiliti pengurusan sisa pepejal, projek pemuliharaan bangunan warisan, dan loji jana kuasa tenaga boleh diperbaharui.

YB KM turut memenuhi jemputan ke mesyuarat bersama-sama Dr. Vivian Balakrishnan, Menteri Luar Negeri Singapura dan Puan Sim Ann, Menteri Negara Kanan, Kementerian Ehwat Luar dan Kementerian Pembangunan Negara.

Lawatan rasmi ini merupakan usaha berterusan untuk mengukuhkan lagi hubungan erat sedia ada kerana Singapura merupakan negara jiran dan rakan penting bagi Malaysia. Oleh itu, interaksi yang tulus dan erat antara kepimpinan kedua-dua negara dapat menghasilkan kerjasama demi kepentingan bersama dan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

YB KM berkata, “Selain daripada menjadi rakan dagang dan pelaburan penting bagi Malaysia, kuasa beli yang kukuh dalam kalangan pelancong Singapura memainkan peranan penting dalam mendorong pertumbuhan berterusan ekonomi Malaysia.”

Tambah beliau, “Singapura telah mencapai kejayaan yang luar biasa dalam pembinaan perumahan awam, inisiatif hijau bandar, pembangunan semula bandar,

penghasilan tenaga boleh diperbaharui, pengurusan ekonomi pekeliling, usaha anti-rasuah, dan lain-lain. Justeru, pencapaian-pencapaian ini adalah patut dicontohi dan memberikan peluang pembelajaran yang berharga bagi Malaysia.”

Di samping itu, YB KM turut menyatakan bahawa menjelang tahun 2030, jumlah penduduk kesemua negara anggota Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) akan mencapai 650 juta penduduk dan menjadikannya ekonomi keempat terbesar di dunia. Untuk mencapai kestabilan dan kemakmuran jangka panjang, mengekalkan kerjasama rapat dan pembangunan aman dalam rantau ASEAN adalah asas yang penting. Hubungan mesra antara Malaysia dan Singapura juga memberi sumbangan kepada keamanan dan pembangunan rantau ini. Oleh itu, kedua-dua badan kerajaan dan masyarakat sivil perlu memperkukuhkan kerjasama dan bersama-sama membentuk masa depan.

Sesi lawatan rasmi ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Jayaselan A/L K.Navaratnam, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, KPKT dan YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

